

Warta Penerangan

Bil 3 Mac 2008

Edisi Ketiga

2008

Pameran Penerangan sempena Hari Kebangsaan Ke-24



Pameran telah dirasmikan oleh Setiausaha Tetap di JPM, Dato Paduka Awang Haji Mustappa.



Setiausaha Tetap di JPM bersama Pemangku Pengarah Penerangan ketika menyaksikan pameran sejurus selepas perasmianya.

Jabatan Penerangan melalui Bahagian Pameran telah mengadakan Pameran Penerangan sempena ulang tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam kali ke-24. Pameran diadakan di The Mall, Gadong dari 14 hingga 16 Mac 2008.

Pameran tersebut telah dirasmikan oleh Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat.

Terdahulu dari itu, ucapan aluan disampaikan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Mahrub bin Awang Haji Murni. Sejurus sebelum perasmian, tetamu kehormat telah berkesudian untuk menyampaikan sijil penghargaan kepada syarikat-syarikat penaja yang terdiri dari Ideal Multifeed Farm Sdn. Bhd., The Mall Gadong, SingFlex Marketing Sdn. Bhd. dan Aewon Sdn. Bhd.

Pameran tersebut bertujuan untuk menyemarakkan lagi suasana sambutan ulang tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei

Darussalam kali ke-24. Selain itu, ia diadakan untuk mengimbaskan kembali peristiwa dan liku-liku bersejarah Negara Brunei Darussalam mengambil alih semula peranan dan tanggungjawab sepenuhnya sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Bagi golongan yang lahir selepas era kemerdekaan, pameran ini menawarkan pengetahuan dan maklumat secukupnya mengenai sambutan Hari Kebangsaan yang diadakan setiap tahun sejak 1984.

Pameran tersebut menerima kunjungan yang menggalakkan dari orang ramai dan pihak-pihak lain terutama pengetua-pengetua dan guru-guru besar yang memohon agar bahan-bahan tersebut turut dipamerkan di sekolah masing-masing. Alhamdulillah, permintaan tersebut dapat dipenuhi melalui Sesi Pameran dan Dialog Bersama Pengarah Penerangan kelolaan Bahagian Pameran dan Program Rakan Remaja Penerangan (RRP) oleh Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan.



Orang ramai yang menyaksikan Pameran Penerangan yang diadakan di The Mall, Gadong.



Sidang Redaksi

Penasihat

Haji Mahrub bin Haji Murni
Haji Yussof bin Haji Ladi

Ketua Pengarang

Hajah Noorashidah Haji Aliomar
Sastra Sarini Haji Julaini

Ahli Sidang Pengarang

Noriah Haji Abdul Hamid
Hajah Noorhijrah Haji Idris
Hajah Zaianit Haji Noorkhan
Aida Hidup
Hajah Apsah Haji Sahdan

Penyumbang Berita

Ismalee Haji Abdul Rahman
Asnah Diwa
Nor Ajijah Mohammad
Bahagian-bahagian
Cawangan Daerah-daerah

Penyemak

Hajah Norpisah Md Salleh

Penyelaras Online

Haji Ariffin Mohd Noor

Fotografi

Bahagian Fotografi
&
Audio Visual
Bahagian Perhubungan Awam
Bahagian Berita Inggeris
&
Media IT

Biskita dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita bahagian masing-masing. Berita berkenaan boleh dihantar terus ke Bahagian Perhubungan Awam atau Bahagian Berita Inggeris dan Media IT.

Berita-berita berkenaan juga boleh dihantar melalui faks 2382012 atau 2382548.

Atau e-mel terus ke wartapenerangan@gmail.com

Sekapur Sirih

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera

Jabatan Penerangan pada bulan ini terus giat mempromosikan Hari Kebangsaan melalui aktiviti-aktiviti Pameran Hari Kebangsaan di keempat daerah. Sambutan pameran-pameran ini adalah sangat membanggakan di mana ia telah dikunjungi oleh berbagai lapisan masyarakat. Sesuai dengan visi jabatan untuk mencemerlangkan negara melalui penyebaran maklumat yang tepat dan berwibawa, sememangnya pameran ini akan dapat menyuburkan lagi semangat cintakan raja, bangsa dan negara.

Selain perlaksanaan program-program jabatan, usaha juga dibuat bagi meningkatkan lagi pengetahuan semua warga Penerangan dengan adanya Taklimat Perencanaan Jangka Panjang Pembangunan Negara Brunei Darussalam dan Wawasan Brunei 2035. Taklimat seumpama ini adalah sebagai bekal kepada semua warga dalam melaksanakan kerja seharian dan tentunya sebagai jabatan yang antaranya bertanggungjawab dalam menyebarkan maklumat, adalah menjadi tanggungjawab setiap warga untuk sama-sama mengetahuinya untuk dapat menyampaikannya kepada semua lapisan masyarakat.

Sesuai dengan perkembangan media baru, penyebaran maklumat terus dipertingkatkan dengan adanya perlaksanaan e-Pelita dan penerbitan Pelita Brunei dua kali seminggu. Ini akan dapat kita lihat dan saksikan di waktu yang terdekat ini. Adanya perkembangan ini, tentunya ada perubahan cara dan waktu bekerja bagi yang terlibat dalam penerbitan dan pengurusan Pelita Brunei. Keberhasilan dalam perlaksanaan e-Pelita ini akan memperlihatkan kesungguhan jabatan untuk berdiri sama dengan akhbar-akhbar lain.

Sekian. Wassalam.

Pemangku Pengarah Penerangan

Isi Kandungan

| | |
|--|---|
| - Taklimat Wawasan Brunei 2035 | 3 |
| - Majlis Sambutan Maulud | |
| - Jemputan Berdirikir Jabatan Penerangan | 4 |
| - Bergambar ramai | |
| - Majlis Perhimpunan Khas Wanita | 5 |
| - Ucapan tahniah | |
| - Ucapan takziah | |
| - Pegawai baru berkhidmat | |
| - Para pegawai dan kakitangan berkursus | 6 |
| - MRO bertugas | |
| - Lawatan Sekolah Menengah Rimba | 7 |
| - Sudut Penerangan | |
| - Lawatan JPAKK & JJK ke Brunei Times | |
| - Selamat Hari Lahir | 8 |

Taklimat mengenai Wawasan Brunei 2035

Jabatan Penerangan melalui Bahagian Hubungan Kemasyarakatan dan Kenegaraan telah mengendalikan sesi taklimat mengenai kenegaraan dengan kerjasama Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi. Majlis taklimat berkenaan berlangsung pada 8 Mac 2008, di Dewan Setia Negara. Tajuk taklimat adalah 'Perencanaan Kemajuan Jangka Panjang Negara Brunei Darussalam' dan disampaikan oleh Pemangku Pengarah Perancangan di jabatan berkenaan, Awang Abdul Amin bin Haji Hashim.

Hadir di majlis taklimat tersebut Pemangku Pengarah, Timbalan Pengarah, para pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan berserta beberapa orang pegawai Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi. Dalam taklimatnya, Pemangku Pengarah Perancangan, telah menyentuh mengenai Perencanaan Kemajuan Jangka Panjang Negara Brunei Darussalam seperti rangka kerja perencanaan, Wawasan Brunei 2035, rangka strategi dan dasar bagi pembangunan dan Rancangan Kemajuan Negara (RKN). Beliau juga menyentuh mengenai titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia sempena menyambut perayaan ulang tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-20 pada 23 Februari 2004 yang mana baginda sendiri ingin melihat kemajuan jangka panjang



Taklimat 'Perencanaan Kemajuan Jangka Panjang Negara Brunei Darussalam' telah disampaikan oleh Pemangku Pengarah Perancangan di Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Awang Abdul Amin bin Haji Hashim.



Para pegawai dan kakitangan jabatan yang menghadiri taklimat tersebut.

negara dapat dicapai dan ditingkatkan selepas tahun 2005.

Antara objektif taklimat ini diadakan ialah untuk menambah pengetahuan mengenai pencapaian dan kemajuan

negara masa kini dan akan datang, selain sebagai persediaan awal dan persiapan diri dengan maklumat terkini ketika bertugas dan apabila berhadapan dengan orang ramai.

Majlis Sambutan Maulud Jabatan Perdana Menteri

Seperti kelazimannya pelbagai acara keagamaan telah diadakan bagi memperingati kelahiran Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Sehubungan itu, pada 22 Mac, beberapa orang pegawai Jabatan Penerangan telah menghadiri Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya yang dikendalikan oleh Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) bertempat di Institut Perkhidmatan Awam, Rimba.

Di majlis tersebut ceramah khas telah disampaikan oleh penceramah undangan dari Pusat Da'wah Islamiah, Dr. Haji Ismuadi bin Haji Abdullah. Beberapa perkara telah disentuh menerusi ceramah tersebut antara lain mengenai betapa pentingnya pembetulan akidah dan keyakinan kepada Allah dengan sepenuh hati dalam menjalani kehidupan di dunia ini. Keyakinan seperti mempercayai bahawa Allah sentiasa melihat perbuatan makhluk-makhluk-Nya akan dapat menanamkan dalam hati umat Islam untuk ikhlas bekerja dan berbakti demi negara, bangsa dan negara. Majlis turut diserikan dengan persembahan Dikir Maulud.

Hadir di majlis tersebut ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap di JPM, Awang Haji Morni bin Haji Mohammad selaku wakil Setiausaha Tetap di JPM, Dato Paduka Awang Haji Kamis bin Haji Tamin. Juga hadir Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap serta ketua-ketua jabatan di bawah JPM. Majlis bertemakan 'Tunas Bangsa Berakhlaq Al-Qur'an'.



Para tetamu yang hadir terdiri dari Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap dan para pegawai kanan serta kakitangan di bawah Jabatan Perdana Menteri.



Para pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan yang menghadiri majlis keagamaan ini.

Jemputan Berdikir Jabatan Penerangan sempena sambutan Maulud



Pemangku Pengarah Penerangan bersama para pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan semasa Majlis Berdikir Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Bersempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, pelbagai acara keagamaan telah diadakan di seluruh negara bagi menyemarakkan sambutan berkenaan. Salah satu acara ialah Majlis Berdikir yang diadakan di semua masjid dan surau selama 12 malam berturut-turut.

Jabatan Penerangan juga tidak ketinggalan dalam sama-sama menyerikan sambutan berkenaan. Pada tahun ini, jabatan telah menerima jemputan berdikir ke masjid-masjid di Daerah Brunei dan Muara.

Pada 11 Mac, jabatan telah menerima jemputan dari Masjid Kampong Sungai Hanching. Pada 13 Mac, di Masjid Sufri Bolkiah, Kampong Burung Pingai Berakas; di Masjid Kampong Salambigar pada 15 Mac; Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kampong Rimba, Gadong pada 17 Mac; Masjid Lambak Berakas pada 18 Mac dan pada 19 Mac di Masjid Kampong Pulaie.

Gambar ramai para pegawai dan kakita



Para pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan mula memakai pakaian seragam memakai pakaian seragam tersebut pada setiap hari Sabtu. Uniform berkenaan ber dan kain atau seluar (panjang) serta tudung berwarna hitam bagi perempuan.

Ucapan tahniah

Semua pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan mengucapkan tahniah kepada Ak. Arsul bin Pg. Haji Abdul Momin sempena Majlis Perkahwinannya pada 9 Mac dan kepada Dayang Sastra Sarini bin Haji Julaini yang melangsungkan perkahwinan pada 30 Mac.

Ucapan takziah

Seorang kakitangan di jabatan ini yang bertugas sebagai Penjaga Malam iaitu Pg. Zainal bin Pg. Haji Metassan telah kembali ke rahmatullah pada 13 Mac 2008.

Seumua pegawai dan kakitangan di jabatan ini mendoakan agar roh Allahyarham akan dilimpahi rahmat serta ditempatkan bersama orang-orang yang beriman dan salih. Amin... Amin... Amin... Ya Rabbal Alamin.

Majlis Perhimpunan Khas Wanita Sempena Sambutan Maulidur Rasul

Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam tahun 1429 Hijrah, Majlis Perhimpunan Khas Wanita telah diadakan pada 29 Mac bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. Berangkat ke majlis berkenaan ialah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha.

Seramai 10 orang pegawai dan kakitangan wanita jabatan ini telah dijemput hadir ke majlis tersebut. Majlis diserikan dengan nadwah khas dan acara kemuncak Penganugerahan 'Anugerah Bakti Hijrah Khas Wanita Tahun 1429 Hijrah'.



Sebahagian para pegawai wanita Jabatan Penerangan yang menghadiri Majlis Perhimpunan Khas tersebut.

Para pegawai yang baru berkhidmat

Nama : Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna
Haji Jaya
Jawatan : Pegawai Penerangan
Tarikh Lantikan : 24 Januari 2008
Mula Berlakidmat : 15 Mac 2008 berpindah dari Kementerian Kesihatan sebagai Penolong Pegawai Perhubungan Awam Tingkat I

Nama: : Awang Abu Bakar bin Haji Duraman
Jawatan : Juruteknik Wayang Gelap
Mula Melapor : 29 Mac 2008

anggaran Jabatan Penerangan tahun 2008



pada 1 Mac 2008. Semua pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan dikehendaki rupa baju berwarna coklat dan dipadankan dengan seluar berwarna hitam bagi lelaki

Para pegawai dan kakitangan yang mengikuti kursus pada bulan Mac 2008

Dua orang kakitangan Jabatan Penerangan telah mengikuti Kursus Fiqh As-Shalah (Sembahyang) yang diadakan di Pusat Da'wah Islamiah bermula dari 25 Februari hingga 1 Mac. Mereka ialah Awang Shari bin Haji Gharib dan Dayang Hernie Suliana binti Haji Othman.

Sementara itu, Dayang Ruziah binti Haji Zakaria dan Dayang Hajah Nuramanina binti Haji Hassan telah mengikuti Kursus Microsoft Access di Institut Perkhidmatan Awam pada 10 hingga 13 Mac.

Awang Abdul Karim bin Haji Abu Bakar mengikuti Kursus Budaya Kerja Cemerlang di Institut Perkhidmatan Awam pada 24 hingga 26 Mac.

Awang Anang Idris bin Ramli dan Dayang Latipah binti Haji Mokti mengikuti Kursus Pengukuhan Islam 2008 Kefahaman Aqidah di Pusat Da'wah Islamiah pada 31 Mac hingga 5 April.

• Pegawai Penyelaras Media (MRO) yang bertugas pada bulan Mac 2008

Bahagian Perkhidmatan Media yang bertanggungjawab untuk menyelaras urusan dan pergerakan media begitu sibuk dengan tugas yang telah ditentukan. Antara tugas Pegawai Penyelaras Media (MRO) pada bulan Mac ialah seperti berikut:



Sebahagian MRO ketika bertugas semasa Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.



Awang Ismalee dan Awang Haji Roslan ketika bertugas sempena Perarakar Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

| Tarikh | Acara |
|------------------|--|
| 4 - 12 Mac 2008 | Majlis Pembukaan Rasmi Bangunan Baru Majlis Mesyuarat Negara Majlis Mesyuarat Negara Tahun 2008 di Bangunan Majlis Mesyuarat Negara |
| 20 Mac 2008 | Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien Majlis Penutup Dikir Maulud di Istana Nurul Iman |
| 24 - 26 Mac 2008 | Lawatan Negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Kemboja ke Negara Brunei Darussalam |
| 29 Mac 2008 | Majlis Perhimpunan Khas Wanita Sempena Sambutan Maulud di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas |
| 31 Mac 2008 | Majlis Istiadat Bersiram bagi Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Azrinaz Mazhar di Istana Nurul Iman |



Taklimat ringkas mengenai Jabatan Penerangan telah disampaikan oleh Pemangku Pengarah Penerangan semasa lawatan Sekolah Menengah Rimba ke jabatan ini.

Jabatan Penerangan terus menerima kunjungan dari pelbagai pihak di negara ini antaranya sekolah-sekolah, jabatan-jabatan kerajaan dan persatuan-persatuan. Pada 26 Mac, Jabatan Penerangan telah menerima kunjungan dari rombongan Sekolah Menengah Rimba yang terdiri daripada lebih 30 orang prefek dan beberapa orang guru. Rombongan ini diketuai oleh Cikgu Dayang Rahmah Haji Md Arshad, Guru Kanan Hal Ehwal Pelajar sekolah berkenaan.

Selain sebagai aktiviti prefek di musim cuti sekolah, lawatan kali ini juga

bertujuan untuk mendedahkan para pelajar kepada proses penerbitan surat berita (newsletter).

Acara lawatan dimulakan dengan menyanyikan Lagu Kebangsaan dan Lagu Bendera Negara beramai-ramai diikuti dengan bacaan Surah Al-Faatihah.

Ucapan alu-aluan disampaikan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Mahrub yang kemudian turut menyampaikan taklimat ringkas mengenai Jabatan Penerangan.

Atur cara diteruskan dengan sesi taklimat penerbitan newsletter oleh Hajah

Noorhijrah binti Haji Idris, Pembantu Akhbar dan Hajah Zaiainit binti Haji Noorkhan, Penolong Penyunting di Bahagian Berita Inggeris dan Media IT.

Selesai taklimat, sesi soal jawab antara rombongan pelawat dan Pemangku Pengarah berserta pegawai-pegawai Jabatan Penerangan berlangsung. Acara lawatan kali ini dipengerusikan oleh Dayang Hajah Noorashidah, Pegawai Penerangan.

Lawatan diakhiri dengan sesi bergambar ramai dan menikmati jamuan.

Sudut Penerangan di Kampong Lamunin

Sudut Penerangan merupakan salah satu saluran bagi menyampaikan maklumat terkini kerajaan kepada masyarakat yang tinggal di kawasan pedalaman atau luar bandar.

Sehubungan itu, Jabatan Penerangan melalui pendekatan terbarunya telah menempatkan Sudut Penerangan di Balai Raya Kampong Lamunin. Pelancarannya telah diadakan pada 19 Mac 2008 oleh para pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan Cawangan Daerah Tutong.

Penempatan Sudut Penerangan di Balai Raya Kampong Lamunin ini difikirkan sesuai kerana ia mudah dikunjungi oleh para penduduk kampung dan mukim.

Ketua Kampong Lamunin, Mejar (B) Awang Haji Tahamit bin Haji Kula merasa bangga dan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Jabatan Penerangan di atas pemilihan Balai Raya Kampong Lamunin sebagai lokasi penempatan Sudut Penerangan. Beliau berharap agar bahan-bahan terbitan yang telah disediakan akan dapat dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya oleh para penduduk kampung amnya dan golongan belia khasnya.



Para pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan Cawangan Daerah Tutong di Majlis Pelancaran Sudut Penerangan di Balai Raya Kampong Lamunin.

Lawatan JPAKK & JJK ke Brunei Times

Seramai 22 orang Pegawai Perhubungan Awam Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan (JPAKK & JJK) Negara Brunei Darussalam telah mengadakan lawatan kerja ke Brunei Times pada 26 Februari.

Lawatan diketuai oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Mahrub bin Awang Haji Murni selaku Timbalan Pengurus JPAKK & JJK.

Rombongan dialu-alukan oleh Group Editor-in-Chief Brunei Times, Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut yang juga memberikan taklimat ringkas mengenai struktur dan pentadbiran syarikat berkenaan. Dalam sesi interaktif rombongan telah berpeluang untuk berkongsi pendapat bersama wartawan Brunei Times mengenai pengalaman mereka berhadapan dengan Pegawai Perhubungan Awam di kementerian/jabatan kerajaan di mana mereka menghadapi kesukaran bagi menghubungi jurucakap kementerian/jabatan untuk mendapatkan teks ucapan tetamu kehormat dan siaran akhbar. Mereka juga menghadapi masalah untuk mewawancara pihak-pihak yang relevan dan kebanyakannya mereka tidak mahu ditemui bual.

Pihak Brunei Times juga meminta



Group Editor-in-Chief Brunei Times, Awang Haji Bujang memberi taklimat kepada rombongan JPAKK & JJK mengenai struktur dan pentadbiran syarikat.

kerjasama Pegawai Perhubungan Awam setiap kementerian/jabatan supaya teks siaran akhbar akan dibubuh nama pegawai penghubung berserta dengan nombor telefon bagi memudahkan media untuk membuat rujukan. Siaran akhbar juga tidak perlu terlalu panjang dan hendaklah difokuskan kepada isu. Dalam meminta liputan berita sesuatu majlis, janganlah secara mendadak dan

teks ucapan tetamu kehormat hendaklah disediakan lebih awal.

Di akhir lawatan pihak Brunei Times telah membawa rombongan melawat ke beberapa bahagian di syarikat berkenaan. Brunei Times juga mengalau-alukan JPAKK & JJK untuk membuat lawatan ke bahagian percetakan syarikat tersebut di kawasan perindustrian di Kampong Junjongan.

Penglibatan Jabatan Penerangan di Majlis Mesyuarat Negara

Majlis Mesyuarat Negara (MMN) telah berlangsung pada 4 hingga 12 Mac, 2008. Jabatan Penerangan merupakan salah sebuah jabatan yang terlibat dalam menyumbangkan tenaga bagi melicinkan lagi mesyuarat berkenaan.

Semasa mesyuarat berkenaan jabatan telah membuka Pusat Media, yang ditempatkan di Bilik Estate. Pusat berkenaan dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan seperti komputer, printer, mesin fotokopi, internet line dan ruang bekerja. Beberapa orang pegawai dan kakitangan jabatan juga telah diperbantuan untuk bertugas di Pusat Media bagi memberi bantuan kepada media-media yang membuat liputan di sepanjang mesyuarat berkenaan.

Lebih kurang 56 orang media cetak dari media kerajaan dan swasta telah mendaftarkan diri untuk membuat liputan, bagaimanapun jumlah ini tidak termasuk jumlah petugas dari Jabatan Radio Televisyen Brunei.

Di sepanjang mesyuarat pergerakan media dikawal dan dipantau oleh pegawai-pegawai yang telah dilantik sebagai MRO, bagi memastikan media dapat membuat liputan yang sebaiknya.

Di samping itu pemberita dan penyunting serta jurugambar jabatan bertugas membuat liputan penuh bagi mesyuarat berkenaan untuk dimuatkan dalam Pelita Brunei, Laman Web Brunei Darussalam Daily Diary dan lain-lain penerbitan jabatan.



Suasana di Pusat Media ketika Persidangan MMN berlangsung.



Antara pegawai-pegawai Jabatan Penerangan yang bertugas di Pusat Media.

Perjumpaan membincangkan gerak-kerja sistem e-Pelita

Perjumpaan antara Pemangku Pengarah bersama para pegawai dan kakitangan Bahagian Pelita Brunei dan Bahagian Berita Inggeris dan Media IT telah diadakan pada 23 Mac.

Perjumpaan adalah bagi membincangkan gerak-kerja bahagian masing-masing setelah berjalannya penggunaan sistem e-Pelita nanti. Selain itu, perjumpaan juga membincangkan beberapa perkara yang berkaitan dengan kerja-kerja sehari-hari dalam menerbitkan Pelita Brunei.

Dengan penggunaan sistem e-Pelita itu nanti Akhbar Rasmi Kerajaan, Pelita Brunei akan diterbitkan dua kali seminggu (bercetak) dan dikemaskinikan (online) setiap hari. Manakala Brunei Darussalam Newsletter akan dikemaskinikan (online) setiap dua minggu sekali dan diterbitkan (bercetak) setiap bulan.

Selamat Hari Lahir!!!

| | |
|---|--------|
| Awang Haji Raya bin Haji Md. Tapa | 01 Mac |
| Awang Anang Idris bin Ramli | 01 Mac |
| Dayang Hajah Apsah binti Haji Shadan | 02 Mac |
| Dayang Asnah binti Haji Diwa | 08 Mac |
| Awang Sahari bin Haji Akim | 10 Mac |
| Awang Masri bin Haji Osman | 11 Mac |
| Dayang Hajah Musmariani binti Haji Mohamed | 13 Mac |
| Dayang Astrilene @ Atikah binti Muhammad Asyraf | 15 Mac |
| Awang Abdul Karim bin Haji Abu Bakar | 18 Mac |
| Awang Haji Ahmad bin Haji Salim | 19 Mac |
| Dayang Sadiyah binti Haji Kahar | 21 Mac |
| Awang Shari bin Haji Ghafir | 23 Mac |
| Dayang Noriah binti Haji Abdul Hamid | 26 Mac |
| Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini | 28 Mac |
| Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Mohd. Yassin | 30 Mac |